

# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## MENTERI KERJA RAYA RASMIKAN TAPAK LATIHAN KREN MENARA BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI PEMBINAAN

**KUALA LANGAT, SELANGOR, 11 November 2024:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui anak syarikatnya Akademi Binaan Malaysia dengan kerjasama Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) pada hari ini telah menganjurkan Majlis Perasmian Tapak Latihan Kren Menara Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Tengah di Jenjarom, Selangor yang telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Tapak latihan kren menara yang terletak di Jenjarom Selangor ini menyediakan Latihan Operator Kren Menara dan Rigging kepada belia dan personel binaan.

MRCB menunjukkan komitmen tinggi dalam kerjasama ini dengan merancang dan membina tapak latihan khusus di tanah miliknya, lengkap dengan kren menara serta kemudahan latihan lain. Tapak ini dijangka mampu memberi ruang latihan praktikal kren menara dijalankan dalam operasi dan pengurusan yang selamat, dengan matlamat untuk melahirkan operator kren menara yang kompeten dan profesional dalam industri pembinaan. Sememangnya fasiliti ini bertujuan melahirkan kumpulan Orang Yang Kompeten (Competent Person) Operator Kren Menara.

“Dalam usaha ini, CIDB telah membelanjakan lebih daripada RM800 juta untuk menyediakan latihan dan penilaian kepada belia, personel binaan dan para kontraktor menerusi 6 buah ABM dan CIDB Technologies Sdn Bhd (CIDB Tech) di seluruh negara. CIDB juga telah membelanjakan lebih RM80 juta setakat tahun 2023 untuk pembangunan fasiliti,” kata Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya dalam ucapan perasmianya.

Dengan melabur dalam pembangunan program TVET ini, MRCB bukan sahaja memastikan ia memiliki bakat yang mencukupi untuk menyokong kemajuan yang lebih efisien dalam pembinaan modular dan kurang intensif karbon berbanding kaedah pembinaan konvensional—tetapi juga membantu meningkatkan tenaga kerja mahir dalam industri pembinaan, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing, dan menyokong peralihan penting ke arah kaedah pembinaan yang lebih inovatif dan lestari.

“Dahulu, latihan operator kren menara lebih banyak menggunakan simulator, elemen praktikal untuk memenuhi cabaran pekerjaan sebenar didalam industri pembinaan sangatlah kurang. Fasiliti Latihan ini dijangka akan dapat mengisi jurang tersebut dengan latihan praktikal yang bermakna, membolehkan pelatih memperoleh pengalaman mengendalikan kren menara sebenar. Program ini juga dijangka dapat mengatasi masalah kekurangan operator kren menara terlatih dalam industri dan membuka peluang pekerjaan bagi mereka yang mempunyai kemahiran khusus ini, menawarkan kerjaya yang stabil dan menguntungkan, di samping menyokong keperluan industri secara menyeluruh,” kata Datuk Imran Salim, Pengarah Urusan Kumpulan MRCB.

CIDB dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) giat membangunkan belia dalam sektor pembinaan, di samping memperkukuh peranan TVET sebagai pendekatan baharu dalam ekosistem pendidikan negara. Semenjak 2012 hingga 2024, ABM telah melatih 1,104 pelatih dalam operasi kren menara dengan 313 terdiri daripada belia dan 791 sebagai personel binaan yang menunjukkan komitmen CIDB dalam meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan dalam sektor ini.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.akademibinaan.com.my](http://www.akademibinaan.com.my).

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---

---

### **Mengenai MRCB**

MRCB adalah syarikat terkemuka dalam bidang hartanah dan pembinaan di kawasan bandar, yang telah tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sejak tahun 1971.

Aktiviti Kumpulan merangkumi tiga bidang iaitu Pembangunan & Pelaburan Hartanah; Kejuruteraan, Pembinaan & Alam Sekitar serta Pengurusan Kemudahan & Parkir.

Sebagai pemaju kepada pembangunan ikonik RM18 bilion KL Sentral CBD, MRCB telah mempelopori Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di Malaysia dan terus menetapkan piawaian untuk projek TOD bersepadu sepenuhnya pada masa hadapan.

Pendapatan pembangunan hartanah MRCB disokong oleh bank tanah seluas 1,168 ekar dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM38 bilion. Aktiviti pelaburan hartanahnya dijalankan melalui pegangan ekuiti sebanyak 27.94% dalam Sentral REIT.

Selain daripada membina pembangunan komersial dan kediaman bertaraf dunia, Bahagian Kejuruteraan, Pembinaan & Alam Sekitar MRCB juga mempunyai rekod prestasi yang mengagumkan dalam pembinaan lebuhraya, infrastruktur kereta api, projek penghantaran kuasa voltan tinggi serta pemulihan sungai dan kawasan pantai. Bahagian ini kini mempunyai buku pesanan luar sebanyak RM26.1 bilion.

Pemegang saham terbesar MRCB adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web [www.mrcb.com](http://www.mrcb.com).

---

**Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:**

**CIDB Malaysia**

Noraini Fadzil [noraini.fadzil@cidb.gov.my](mailto:noraini.fadzil@cidb.gov.my)

03-6206 7119

Muhammad Nurhan Shafik [shafik@cidb.gov.my](mailto:shafik@cidb.gov.my)

03-6206 7129

**MRCB**

Haridas Sivadas ([haridas@mrcb.com](mailto:haridas@mrcb.com))

03- 2786 8080

Liyana Yussof ([liyana.yusoff@mrcb.com](mailto:liyana.yusoff@mrcb.com))

03- 2786 8080